

Abdullah mahu Petronas membangun bersama Sudan

UM - 18/4/2007

KHARTOUM 17 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menamatkan lawatan tiga harinya ke Sudan hari ini menegaskan bahawa penglibatan Petronas dalam sektor minyak dan gas Sudan bukan untuk mencari wang dan kekayaan semata-mata.

Menurut beliau, Petronas terbabit dalam memajukan aktiviti cari gali minyak di Sudan dengan komitmen untuk membangun bersama negara Afrika ini.

Berucap pada majlis ramah mesra bersama komuniti Malaysia di sini yang sebahagian besarnya merupakan kakitangan Petronas, Abdullah berkata, dalam melaksanakan aktivitinya di negara ini, pegawai dan kakitangan Petronas perlu menyumbang kepada pembangunan Sudan.

"Kita perlu maju bersama Sudan," kata Perdana Menteri pada majlis itu yang diadakan sebelum beliau berlepas ke Darfur untuk lawatan mengejut dua jam ke wilayah yang bergolak di sempadan barat Sudan itu.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Presiden Petronas, Tan Sri Hassan Marican.

Abdullah meminta Petronas memastikan syarikat itu terlibat bukan sahaja dalam aktiviti berkaitan cari gali dan perniagaan berasaskan petroleum tetapi juga sektor-sektor lain yang amat penting kepada pembangunan Sudan.

Kepada kerajaan Sudan, Perdana Menteri merakamkan penghargaan kerana memberi peluang kepada syarikat Malaysia itu terlibat dalam sektor tersebut.

Menteri Tenaga dan Perlombongan Sudan, Ahmad Awad Al-Jaz hadir sama pada majlis itu yang diadakan di Oil House di sini yang terletak di tebing Sungai Nil Biru di tengah bandar raya Khartoum.

Petronas telah melabur lebih RM5 bilion di Sudan dan mempunyai lebih 300 orang pekerja dan keluarga mereka di negara ini.

Pada masa ini Petronas terlibat dalam usaha cari gali dan pengeluaran minyak di beberapa lokasi pinggir pantai dan daratan di wilayah selatan Sudan.

Projek usaha sama berbilion dolar dengan syarikat minyak dari China dan India serta syarikat minyak tempatan Sudan itu menyaksikan Petronas berjaya meningkatkan pengeluaran minyak Sudan sehingga 400,000 tong sehari.

Di Malaysia, Petronas mengeluarkan kira-kira 650,000 tong minyak sehari.

Petronas memiliki kepentingan sebanyak 30 peratus dalam syarikat Greater Nile Petroleum Operating Company Limited yang 40 peratus daripada sahamnya dimiliki oleh CNPC dari China, ONGC dari India sebanyak 25 peratus manakala 5 peratus lagi dipegang oleh Sudapet dari Sudan.

- Utusan